

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 DISEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### PADU dibangun pakar tempatan bukan pembaziran

## PADU dibangun pakar tempatan bukan pembaziran

**Kuala Lumpur:** Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu depan dan menjadi sistem data paling besar pernah dibangunkan untuk sektor awam negara bukan satu pembaziran kerana dibangunkan sepenuhnya oleh kepakaran penjawat awam.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata proses membina PADU itu adalah pembangunan sistem data yang membatikan berpuluhan perincian data termasuk nama, umur, jantina dan isi rumah bagi setiap dari 32 juta rakyat, yang membentuk ratusan juta titik data.

"PADU dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam dari tiga agensi utama iaitu Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang membatikan kerjasama semua agensi lain.

"Bagi saya, padunya PADU ini kerana ia membatikan keseluruhan kepakaran dan tenaga

penjawat awam, bukan perunding dan kontraktor luar.

"Penjawat awam membangunkan PADU menggunakan peruntukan sedia ada dan segala infrastruktur yang telah ada tanpa perlu membuka tender baru kepada pihak swasta. Maka, ia tidak membatikan perbelanjaan tambahan seperti yang selalu berlaku setiap kali ada sistem baru yang diperkenalkan kerajaan," katanya dalam hantaran di laman sosial beliau, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab tuduhan bahawa PADU yang dibangunkan kerajaan adalah satu pembaziran.

#### Tempoh sangat singkat

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, PADU dibangunkan dalam tempoh yang sangat singkat iaitu dalam masa tujuh bulan bermula Mei 2023 bagi mengatasi pelaksanaan projek sistem yang dikendalikan oleh swasta sebelum ini.

Katanya, sistem data itu tidak akan membatikan pembayaran

setiap tahun kepada penyedia sistem swasta seperti yang sering berlaku sebelum ini kerana ia dibangunkan oleh penjawat awam dan milik kerajaan sepenuhnya.

"Dari awal, saya telah lontarkan cabaran ini kepada pasukan teras dari Kementerian Ekonomi, DOSM dan MAMPU bahawa PADU ialah satu peluang untuk membuktikan kepakaran yang ada dalam kalangan penjawat awam.

"PADU berjaya disediakan dalam tempoh yang singkat dan tanpa peruntukan tambahan kerana hasil penat lelah penjawat awam yang bersengkang mata selama tujuh bulan.

"Jadi, saya tidak terkejut bila ada suara sumbang yang menuduh kyonnya pembangunan sistem PADU ini adalah satu pembaziran kerana membatikan kontrak beratus juta ringgit," tegasnya.

Beliau berkata, selepas sistem itu dilancarkan Perdana Menteri, PADU akan dibuka selama tiga bulan untuk semua warga

negara mengesahkan dan mengekalkan data sosioekonomi.

"Apabila masuk ke PADU nanti, maklumat yang ada dalam semua pangkalan data kerajaan (lebih 270 semuanya) memang sudah tersedia. Contohnya maklumat peribadi (nama, kad pengenalan, umur, jantina dan lain-lain), maklumat pendidikan, maklumat kendaraan, maklumat anak dan tanggungan dan lain-lain.

"Namun ia perlu disahkan dan dikemaskinikan untuk memastikan data kerajaan itu berlaku adil kepada rakyat kerana data dari PADU akan digunakan untuk menyasarkan subsidi kepada golongan yang layak kelak," katanya.

Rafizi berkata, kewujudan PADU akan membawa perubahan besar kepada khidmat awam dari kerajaan kepada rakyat.

"Memang pasukan teras yang mengusahakan PADU akan terus berdepan dengan cabaran, tetapi jika ada pujian mengenai PADU, pujian itu layaknya kepada penjawat awam," katanya.